

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**25 FEBRUARI 2015**

---

**1. MAJLIS CABUTAN PEMENANG PROMOSI CUKAI PINTU  
2015**

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSP telah berjaya memungut sebanyak **RM38.54 juta** dengan jumlah pegangan sebanyak **37,443 akaun** sepanjang tempoh Promosi Cukai Pintu 2015 yang bermula pada 1 Disember 2014 hingga 31 Januari 2015. Jumlah ini telah melebihi daripada sasaran sebanyak RM16 juta. Sepanjang tempoh Promosi Cukai Pintu Tahun 2014, Majlis telah mengutip sebanyak RM 20.28 juta dengan 25,755 akaun. Terdapat peningkatan kutipan sebanyak 90% untuk Promosi Cukai Pintu 2015.

Daripada jumlah kutipan bagi Promosi Cukai Pintu 2015, sebanyak **37,443** akaun layak menyertai cabutan bertuah dan MPSP telah menawarkan sebanyak **50** hadiah cabutan bertuah untuk dimenangi.

Majlis Cabutan Pemenang Promosi Cukai Pintu 2015 akan diadakan sejurus selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini. Daripada jumlah **37,443** akaun berkenaan, **50** pemenang bertuah akan ditentukan.

Pemenang-pemenang berkenaan akan dihubungi oleh Jabatan Perbendaharaan MPSP bagi urusan pengesahan serta akan dijemput untuk hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah akan diadakan pada bulan Mac 2015 bagi menentukan kedudukan hadiah yang bakal dimenangi.

Warga Seberang Perai boleh menyemak senarai pemenang cabutan bertuah Promosi Cukai Pintu 2015 di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) mulai 26 Februari 2015.

## **2. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 3 MAC 2015**

Dimaklumkan bahawa, 28 Februari ini merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2015. Mulai 3 Mac 2015, Notis E Taksiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang masih belum menjelaskan cukai taksiran, hendaklah **SEGERA** membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau secara online di laman web MPSP.

### **3. LANJUTAN TEMPOH OPERASI PERKHIDMATAN BAHAGIAN KAUNTER BERPUSAT SEMPENA BAYARAN CUKAI TAKSIRAN SETENGAH TAHUN PERTAMA DAN PEMBUKAAN KAUNTER PADA HARI SABTU TERAKHIR FEBRUARI 2015**

Dimaklumkan operasi perkhidmatan Kaunter Berpusat, MPSP akan dilanjutkan waktu operasi dan membuka kaunter pada hari Sabtu terakhir bagi bulan Februari 2015 seperti ketetapan berikut :


- i. Lanjutan operasi pada 27 Februari 2015 (Jumaat) sehingga 8.30 malam di Kaunter Berpusat, MPSP Bandar Perda
  
- ii. Pembukaan Kaunter Berpusat pada 28 Februari 2015 (Sabtu) bermula 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari.

Lanjutan waktu operasi adalah untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan dan stakeholders membuat bayaran

cukai taksiran bagi setengah tahun pertama bagi tahun 2015 khasnya dan lain-lain bayaran perkhidmatan.

#### **4. PELAKSANAAN JALAN SEHALA DI PUSAT PERNIAGAAN MAJU UTAMA, BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH**

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah meluluskan Cadangan Pelaksanaan Jalan sehalal di Pusat Perniagaan Maju Utama, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah mulai 1 Mac 2015 hingga 31 Mei 2015. Tempoh percubaan selama 3 bulan ini bertujuan untuk melancarkan aliran kenderaan di kawasan tersebut yang ketika ini seringkali sesak. Laluan yang terlibat ialah jalan susur Jalan Maju dari bangunan no. 3193 hingga no. 3203, lorong belakang bangunan no. 2981 hingga no. 3203 dan lorong belakang Lorong Maju Utama 1 dari bangunan no. 2 hingga no. 28.



## 5. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada 1 Mac 2015 (Ahad). Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 15 Mac 2015 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 22 Mac 2015 (Ahad).

Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**